

HAK PENGURUSAN HARTA OLEH LEMBAGA ZAKAT: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG ISLAM DAN IMPLIKASI SOSIAL

PROPERTY MANAGEMENT AUTHORITY OF ZAKAT INSTITUTIONS: ISLAMIC LEGAL PERSPECTIVES AND SOCIAL IMPLICATIONS

^{i*} Syaryanti Hussin, ⁱⁱ Zahari Mahad Musa, ⁱⁱⁱ Hasnizam Hashim, ^{iv} Nabilah Yusof, ^v Mohamad Zaharuddin Zakaria, ^{vi} Wan Nur A'aina Farhana Meor Amir Hamzah, ^{vii} Nur Syazwana Shaharom, ^{ix} Ahmad Sulhiy Ahmad Nasfy, ^{ix} Muhammad 'Arif Azri Bahaman & ^x Muhammad Aqil Farhan Bahrin

^{i, ii, iii, iv, v} Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78100 Nilai, Malaysia
^{vi, vii, viii, ix, x} Pelajar Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Sesi Akademik 2023/2024. Universiti Sains Islam Malaysia, 78100 Nilai, Malaysia

(Corresponding author) e-mail: syaryanti@usim.edu.my

ABSTRACT

The primary objective of zakat is to reduce the economic gap between the rich and the poor through fair and just distribution. The zakat authority is the institution responsible for managing this process of asset administration, with each state in Malaysia having its own authorised body. However, public trust in zakat institutions has been declining, largely due to issues of non-transparency in management. Therefore, this article discusses the property management rights of zakat authorities, including the concept of zakat, the roles and responsibilities of zakat institutions, the social implications, and the conflicts associated with zakat management. Based on a review of existing literature, this article presents several recommendations to improve transparency and accountability in zakat administration. The findings of this article have the potential to guide zakat institutions in Malaysia and other Muslim countries in achieving the core objective of zakat—establishing economic and social justice. In addition, it is hoped that this article will serve as a catalyst for further empirical research in the field of zakat management.

Keywords: *Zakat, Asset Management, Zakat Authority.*

ABSTRAK

Tujuan utama zakat adalah untuk mengurangkan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin melalui pengagihan yang adil. Lembaga zakat merupakan badan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan proses pengurusan harta ini. Setiap negeri mempunyai badan autoriti tersendiri. Namun, tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat di Malaysia semakin merosot, terutamanya akibat pengurusan yang kurang telus. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan hak pengurusan harta oleh lembaga zakat termasuk konsep zakat, peranan dan tanggungjawab lembaga zakat, implikasi sosial dan konflik-konflik yang berkaitan dengan pengurusan zakat oleh lembaga zakat. Berdasarkan kajian literatur, artikel ini membentangkan cadangan penambahbaikan untuk institusi zakat untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan zakat. Hasil artikel ini berpotensi memberi panduan kepada institusi zakat di Malaysia dan negara-negara Islam lain dalam mencapai matlamat utama zakat, iaitu mewujudkan keadilan ekonomi dan sosial. Selain itu, ia juga diharap menjadi pencetus kepada kajian empirikal lanjut dalam bidang pengurusan zakat.

Kata Kunci: Zakat, Pengurusan Harta, Lembaga Zakat

Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan kutipan dan pengagihan zakat, lembaga zakat memainkan peranan penting dalam memastikan zakat sampai kepada golongan yang memerlukan, terutama golongan fakir dan miskin. Dalam konteks ini, hak pengurusan harta oleh lembaga zakat menuntut kepada pemahaman yang mendalam mengenai perspektif undang-undang Islam serta implikasi sosial yang timbul daripada pengurusan tersebut.

Undang-undang Islam menekankan prinsip keadilan, kesejahteraan, dan kebaikan dalam segala urusan yang berkaitan dengan harta, termasuk dalam pengurusan zakat. Lembaga zakat, sebagai institusi yang diberi kuasa untuk menguruskan zakat, bertanggungjawab untuk memastikan harta zakat digunakan sesuai dengan syariat Islam. Hal ini melibatkan penyaluran zakat kepada asnaf yang berhak, pemeliharaan harta zakat, serta penilaian terhadap keberkesanan pengagihan tersebut.

Dari segi implikasi sosial, pengurusan zakat yang berkesan boleh memberi impak yang besar kepada masyarakat. Pengagihan zakat yang tepat dapat mengurangkan jurang kemiskinan, membantu meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan, dan memupuk semangat solidariti dalam kalangan umat Islam. Namun, sekiranya pengurusan zakat tidak dilakukan dengan telus dan bertanggungjawab, ia boleh menjejaskan matlamat utama zakat, iaitu untuk memastikan keadilan sosial dan kesejahteraan umat Islam.

Oleh itu, pengurusan harta zakat oleh lembaga zakat bukan sahaja dilihat dari sudut pematuhan terhadap prinsip-prinsip syarak, tetapi juga dalam konteks tanggungjawab sosial untuk mewujudkan masyarakat yang adil, sejahtera, dan berpadu. Namun demikian, terdapat pelbagai isu yang timbul berkaitan pengurusan harta oleh lembaga zakat di Malaysia. Penulisan artikel ini akan mengupas lebih lanjut mengenai hak pengurusan harta oleh lembaga zakat: perspektif undang-undang Islam dan implikasi sosial terhadap pelaksanaannya di Malaysia.

Dapatan Kajian

Dapatan 1: Konsep Zakat Di Malaysia

Konsep zakat bukan sahaja merujuk kepada kewajipan agama, tetapi juga sebagai satu sistem ekonomi yang berfungsi untuk mengurangkan kemiskinan, menggalakkan keadilan sosial, dan memperkukuh hubungan sesama masyarakat. Zakat bertujuan untuk memastikan kesejahteraan dan keadilan dalam masyarakat, di mana harta yang dimiliki oleh individu yang lebih mampu dapat disalurkan kepada golongan yang memerlukan, seperti golongan fakir, miskin, dan asnaf yang lain.

Dengan mengeluarkan zakat, seseorang Muslim membersihkan hartanya dan mendapat keberkatan dalam hidupnya. Zakat juga berfungsi untuk mengembangkan kekayaan dalam masyarakat, kerana ia menggalakkan peredaran harta dalam kalangan umat Islam, yang pada gilirannya dapat mengurangkan jurang kemiskinan dan mengatasi ketidakseimbangan ekonomi dalam masyarakat. Zakat adalah satu mekanisme yang penting dalam memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi umat Islam.

Definisi

Zakat, dari segi bahasa, berasal daripada perkataan Arab "زكاة" (zakat) yang bermaksud "penyucian", "pembersihan", atau "pertumbuhan". Dalam konteks syariat Islam, zakat merujuk kepada kewajipan mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu bagi diberikan kepada golongan yang berhak, dengan tujuan untuk membersihkan harta, menyucikan jiwa, dan membantu mengurangkan ketidakseimbangan sosial dalam masyarakat. Zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu.

Secara umum, zakat boleh dibahagikan kepada dua jenis utama iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Pertama sekali adalah Zakat Fitrah dimana zakat ini diwajibkan kepada setiap individu Muslim yang berkemampuan, dan ia dikeluarkan pada bulan Ramadan sebelum solat hari raya Aidilfitri. Zakat fitrah bertujuan untuk membersihkan jiwa individu daripada sifat kedekut serta membantu mereka yang kurang berkemampuan merayakan hari raya dengan penuh kegembiraan (Al-Syahrastani, 1997). Zakat fitrah ditetapkan oleh Rasulullah SAW sebagai kewajipan ke atas setiap individu Muslim, lelaki dan perempuan, yang memiliki kemampuan, menjelang akhir bulan Ramadan. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA menyatakan bahawa Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah ke atas setiap Muslim, bebas daripada status sosial, termasuk hamba, kanak-kanak, dan orang dewasa. Hadis ini menguatkan bahawa zakat fitrah adalah kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu yang memenuhi syaratnya.

Zakat fitrah memiliki beberapa tujuan penting dalam masyarakat Islam antaranya ialah pembersihan jiwa yang membawa maksud zakat fitrah ini berfungsi untuk membersihkan diri individu daripada sifat kedekut dan kekotoran jiwa. Ia juga berfungsi untuk menghapuskan kekurangan atau kelalaian yang mungkin berlaku sepanjang bulan Ramadan dalam menjalankan ibadah puasa. Dengan mengeluarkan zakat fitrah, seseorang diharapkan dapat membersihkan dirinya daripada dosa dan kesalahan, sekaligus memperbaharui ketakwaannya kepada Allah SWT. Seterusnya zakat fitrah juga bertujuan untuk memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan dimana membantu golongan yang tidak mampu, terutamanya mereka yang miskin dan fakir, supaya dapat merayakan hari raya dengan lebih baik. Zakat fitrah yang dikeluarkan akan disalurkan kepada mereka yang memerlukan, menyediakan mereka dengan sedikit kelapangan untuk menyambut hari raya. Ini selaras dengan prinsip zakat yang bertujuan mengurangkan jurang sosial antara golongan kaya dan miskin dalam masyarakat (Al-Qaradawi, 1999).

Seterusnya, zakat fitrah dapat membantu dalam memperkuat lagi ukhuwah Islamiyah. Hal ini demikian, zakat fitrah membantu mempererat hubungan antara sesama umat Islam. Tindakan memberi zakat fitrah menunjukkan solidariti dan kepedulian terhadap kesejahteraan saudara Muslim yang kurang bernasib baik. Ia juga meningkatkan rasa kebersamaan dalam masyarakat Muslim, terutama ketika menyambut perayaan seperti Aidilfitri. Dan akhir sekali tujuan dan juga kepentingan kepada zakat fitrah adalah dapat menggalakkan masyarakat untuk menanam rasa syukur di dalam diri dimana ia dapat mengajar umat Islam untuk sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah, kerana dengan melaksanakan kewajipan ini, seseorang menyedari bahawa setiap rezeki yang diperolehnya adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial untuk membantu orang lain. Ia

mengingatkan umat Islam untuk tidak hanya fokus kepada kepentingan diri sendiri, tetapi juga kepentingan orang lain dalam masyarakat.

Selain itu, zakat harta memberi maksud kewajiban mengeluarkan sebahagian daripada harta yang dimiliki oleh seorang Muslim, yang memenuhi syarat-syarat tertentu, untuk disalurkan kepada golongan yang berhak menerimanya. Ia merupakan salah satu daripada lima rukun Islam dan berfungsi untuk membersihkan harta serta jiwa daripada sifat kikir dan kedekut. Zakat harta bertujuan untuk menambah keberkatan pada harta yang dimiliki oleh seseorang dan memastikan harta tersebut tidak hanya beredar di kalangan golongan kaya, tetapi juga dikongsi dengan golongan yang memerlukan, seperti fakir, miskin, dan asnaf lain.

Zakat harta boleh dikenakan pada pelbagai jenis harta, termasuk wang tunai, perniagaan, emas, perak, pertanian, dan haiwan ternakan. Walaupun setiap jenis harta mempunyai kadar zakat yang berbeza, tujuan asas zakat harta tetap sama, iaitu untuk membersihkan harta dan memastikan ia digunakan dengan cara yang halal dan memberi manfaat kepada masyarakat. Zakat harta pula dikenakan ke atas harta yang dimiliki oleh seseorang individu, yang memenuhi syarat-syarat tertentu seperti nisab (had minimum harta) dan haul (tempoh pemilikan harta selama setahun). Harta yang dikenakan zakat termasuk wang, emas, perak, perniagaan, tanaman, dan haiwan ternakan, dengan kadar zakat yang berlainan mengikut jenis harta tersebut.

Terdapat beberapa jenis zakat harta yang diwajibkan ke atas individu muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Antara jenis zakat harta yang utama ialah zakat wang dan emas perak dimana ianya adalah jenis zakat yang paling umum dikenakan ke atas seseorang yang memiliki wang tunai, simpanan, atau emas dan perak yang melebihi nisab (had minimum harta) selama satu tahun hijrah (haul). Kadar zakat yang dikenakan adalah sebanyak 2.5% daripada jumlah wang atau nilai emas/perak yang dimiliki. Seterusnya zakat perniagaan dimana ianya dikenakan ke atas individu yang menjalankan perniagaan dan memiliki stok atau inventori. Sebagaimana zakat wang, zakat perniagaan juga dikenakan sebanyak 2.5% daripada jumlah nilai perniagaan yang dimiliki, setelah ditolak dengan hutang perniagaan yang sah. Jenis yang ketiga adalah zakat pertanian dimana dikenakan ke atas hasil pertanian yang dituai. Kadar zakat untuk hasil pertanian adalah 5% bagi hasil yang diperoleh melalui pengairan biasa (menggunakan air hujan atau mata air), dan 10% bagi hasil yang diperoleh melalui pengairan yang lebih mahal (seperti menggunakan peralatan pengairan). Zakat ini diwajibkan apabila hasil pertanian mencapai nisab.

Tambahan lagi, jenis zakat harta yang terakhir ialah zakat haiwan ternakan dimana dikenakan pada haiwan ternakan seperti unta, lembu, dan kambing. Kadar zakat ini berbeza bergantung pada jumlah haiwan ternakan yang dimiliki. Sebagai contoh, untuk unta, zakat dikenakan apabila seseorang memiliki lima ekor unta atau lebih, dan kadar zakatnya adalah seekor unta untuk setiap lima ekor unta yang dimiliki.

Terdapat beberapa tujuan utama zakat harta antaranya Pembersihan harta dan jiwa, mengurangkan ketidakseimbangan social, meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan membantu pembangunan masyarakat Islam. Tujuan zakat harta yang pertama iaitu bertujuan dalam pembersihan harta dan jiwa yang membawa maksud bertujuan untuk membersihkan harta yang dimiliki daripada unsur kedekut dan sifat kikir. Ia juga bertujuan untuk membersihkan jiwa individu daripada sifat tamak dan cinta dunia yang berlebihan. Dengan mengeluarkan zakat, seorang Muslim mengingatkan dirinya bahawa segala harta yang dimiliki adalah anugerah dari Allah dan ia perlu disalurkan untuk manfaat umat. Seterusnya mengurangkan ketidakseimbangan social dimana zakat harta adalah berfungsi dalam membantu golongan miskin dan fakir, mengurangkan jurang kekayaan antara golongan kaya dan miskin. Zakat berfungsi sebagai alat pengagihan kekayaan dalam masyarakat, di mana harta yang dikeluarkan akan disalurkan kepada mereka yang berhak, seperti golongan fakir, miskin, anak yatim, dan sebagainya. Ini akan memperkecilkan jurang sosial dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Seterusnya, meningkatkan kesejahteraan ekonomi dimana dengan mengeluarkan zakat, harta yang dimiliki akan beredar dalam masyarakat, yang seterusnya dapat memperkukuh ekonomi. Zakat menggalakkan peredaran wang dalam kalangan umat Islam, yang akan memperbaiki taraf hidup golongan yang memerlukan dan mempercepatkan kemakmuran bersama. Akhir sekali, zakat harta ini bertujuan dalam membantu pembangunan masyarakat Islam dimana zakat yang dikutip juga digunakan

untuk tujuan pembangunan masyarakat, seperti membiayai pendidikan, kesihatan, dan kegiatan kebajikan lain yang memberi manfaat kepada umat Islam. Melalui zakat, pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat Islam dapat diperkukuhkan.

Struktur Dan Model Pengurusan Lembaga Zakat

Lembaga zakat merupakan badan yang bertanggungjawab untuk menguruskan zakat di sesebuah negeri atau wilayah. Struktur pengurusan lembaga zakat bergantung kepada dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri atau negara. Di Malaysia, setiap negeri mempunyai lembaga zakat masing-masing yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam negeri (MAIN). Walaupun struktur organisasi zakat berbeza sedikit mengikut negeri, namun ia mempunyai asas yang serupa, iaitu untuk memastikan pengurusan zakat dilaksanakan dengan telus dan berkesan. Secara umum, struktur pengurusan lembaga zakat terdiri daripada beberapa lapisan yang mencakup elemen-elemen berikut

i. Pengerusi atau Majlis Pengarah

Pengerusi lembaga zakat biasanya terdiri daripada individu yang berpengalaman dalam hal ehwal agama Islam dan pengurusan kewangan. Di sesetengah negeri, Pengerusi lembaga zakat adalah Sultan atau Yang di-Pertuan Agong yang bertindak sebagai ketua dalam mengawasi pelaksanaan zakat. Di bawahnya terdapat satu Majlis Pengarah yang terdiri daripada individu yang dilantik untuk merangka dasar dan strategi pengurusan zakat.

ii. Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

Pengarah eksekutif atau CEO bertanggungjawab untuk menguruskan operasi harian lembaga zakat. Mereka menjalankan dasar yang ditetapkan oleh Majlis Pengarah dan bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan, serta pemantauan pengagihan zakat. Kebiasanya Ketua Pegawai Eksekutif ini dibantu oleh pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang pengurusan kewangan dan perundangan Islam.

iii. Jabatan dan Bahagian Operasi Lembaga zakat biasanya mempunyai beberapa jabatan yang berfungsi untuk menguruskan berbagai aspek zakat, seperti:

- Jabatan Kutipan Zakat yang mana bertanggungjawab untuk mengurus kutipan zakat dari pembayar zakat. Ini melibatkan pengumpulan dana zakat dari individu dan syarikat.
- Jabatan Pengagihan Zakat yang mana bertanggungjawab untuk mengagihkan zakat kepada golongan yang berhak (asnaf), seperti fakir, miskin, anak yatim, dan lain-lain.
- Jabatan Pembangunan dan Kebajikan yang mana berfungsi dalam menguruskan program-program pembangunan dan kebajikan untuk asnaf, seperti pendidikan, kesihatan, dan bantuan ekonomi (Muhammad Zainul Abidin, 2012).
- Bahagian Pentadbiran dan Perundangan pula bertugas dalam menyediakan perkhidmatan pentadbiran, perundangan, serta memastikan pengurusan zakat mematuhi hukum syarak dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam negeri.

iv. Unit IT dan Sistem Pengurusan

Teknologi informasi memainkan peranan penting dalam pengurusan zakat masa kini. Unit IT lembaga zakat bertanggungjawab untuk mengendalikan sistem kutipan dan agihan zakat secara dalam talian, serta menyediakan laporan yang tepat dan terkini kepada pihak berkuasa.

v. Audit dan Pemantauan

Lembaga zakat biasanya memiliki bahagian audit untuk memastikan ketelusan dalam pengurusan dana zakat. Bahagian ini akan melakukan audit secara berkala untuk memastikan zakat yang dikutip disalurkan dengan betul kepada asnaf yang berhak.

Model Pengurusan Lembaga Zakat

Terdapat beberapa model pengurusan lembaga zakat yang digunakan di seluruh dunia. Di Malaysia, lembaga zakat kebanyakan negeri menggunakan model pusat (centralized model) atau model

berasaskan majlis dalam pengurusan zakat. Dalam model pusat, pengurusan zakat dilakukan di satu badan pusat yang mengawal dan menguruskan semua aspek zakat di sesebuah negeri. Semua kutipan zakat dikendalikan oleh lembaga zakat pusat, yang kemudian disalurkan kepada asnaf berdasarkan peruntukan yang ditetapkan. Kelebihan model ini adalah keseragaman dalam pengurusan zakat dan pengawasan yang lebih terpusat, yang membolehkan lebih mudah untuk memantau aliran dana zakat dan memastikan tiada pembaziran atau ketidakadilan dalam pengagihan.

Seterusnya, model terdesentralisasi pula melibatkan pengurusan zakat yang lebih kepada penglibatan pelbagai pihak atau agensi di peringkat negeri atau daerah. Lembaga zakat utama akan memberi garis panduan dan polisi, tetapi pengagihan dana zakat mungkin melibatkan pihak lain seperti masjid, badan kebajikan tempatan, atau agensi lain yang dilantik untuk menangani hal ehwal asnaf. Kelebihan model ini adalah ia memberi lebih banyak kebebasan kepada pihak yang lebih dekat dengan komuniti setempat untuk memahami keperluan asnaf, namun kelemahannya adalah mungkin berlaku kurangnya koordinasi dan ketidaktelusan.

Selain itu juga, model berasaskan teknologi (Technology-based Model) dimana dalam dunia moden, banyak lembaga zakat yang kini beralih kepada model yang lebih berasaskan teknologi, di mana kutipan dan agihan zakat dilakukan melalui platform digital. Ini membolehkan pengumpulan zakat dilakukan secara dalam talian, yang memudahkan pembayar zakat untuk melaksanakan kewajipan mereka. Sebagai contoh, lembaga zakat di Malaysia seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan aplikasi mudah alih untuk memudahkan orang ramai membayar zakat dan menjejaki pengagihan zakat.

Akhir sekali, model kerjasama awam swasta (Public-Private Partnership Model) yang mana beberapa lembaga zakat juga melibatkan kerjasama dengan sektor swasta dalam pengurusan zakat, terutamanya dalam pembangunan projek-projek kebajikan atau ekonomi untuk asnaf. Model ini bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan dan pemulihan asnaf melalui kolaborasi dengan syarikat-syarikat yang ingin memberi sumbangan sosial.

Peranan Dan Tanggungjawab Lembaga Zakat

Lembaga zakat tidak hanya berperanan dalam kutipan dan agihan zakat, tetapi juga memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam. Berikut adalah beberapa fungsi penting lembaga zakat:

i. Meningkatkan Kesejahteraan Asnaf

Lembaga zakat bertanggungjawab untuk membantu golongan yang memerlukan melalui pelbagai bentuk bantuan, seperti bantuan kewangan, pendidikan, dan keperluan asas lain. Ini membantu meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dan memberi mereka peluang untuk keluar daripada kemiskinan.

ii. Menggalakkan Kedermawanan dan Kesedaran

Lembaga zakat juga memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewajipan zakat dan pentingnya pengurusan zakat yang telus. Ini membantu meningkatkan penglibatan umat Islam dalam mengeluarkan zakat.

iii. Memperbaiki Ekonomi Masyarakat Islam

Dengan pengagihan zakat yang baik, lembaga zakat turut membantu meningkatkan ekonomi komuniti, terutama dalam mengurangkan jurang kemiskinan, menyediakan peluang perniagaan, dan memberikan bantuan modal untuk usahawan asnaf.

Peruntukkan Undang Undang Dalam Pengurusan Harta Oleh Lembaga Zakat

Pengurusan harta oleh Lembaga Zakat di Malaysia adalah satu aspek penting dalam memastikan agihan harta zakat kepada golongan yang memerlukan dilaksanakan dengan adil, telus, dan efisien. Untuk mencapai objektif ini, Lembaga Zakat terikat dengan peruntukan undang-undang yang digubal bagi memastikan pengurusan zakat mematuhi syariah Islam dan peraturan negara. Terdapat beberapa perundangan dalam pengurusan harta oleh lembaga zakat.

Yang pertama, Perlembagaan Persekutuan. **Perkara 3(1) didalam Perlembagaan Persekutuan** menetapkan bahawa Islam adalah agama persekutuan, dan ini memberikan kuasa kepada negeri untuk menguruskan hal ehwal Islam, termasuk zakat. Perkara 74 dan Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan memperuntukkan kuasa kepada kerajaan negeri untuk menggubal undang-undang mengenai zakat dan wakaf. Seterusnya adalah Enakmen Zakat Negeri, setiap negeri di Malaysia mempunyai Enakmen Zakat atau undang-undang serupa yang mentadbir pengurusan zakat. Contohnya, Selangor menguatkuasakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, yang memberikan kuasa kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mentadbir zakat melalui agensi pelaksanaanya, seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS). Yang terakhir adalah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] yang mana lembaga zakat diiktiraf sebagai badan pemegang amanah bagi pengurusan zakat di peringkat negeri, selaras dengan Akta Pemegang Amanah. Ini memastikan pengurusan aset dan dana zakat dilakukan mengikut prinsip kebertanggungjawaban.

Pengurusan harta zakat juga perlu mematuhi beberapa prinsip yang ditetapkan. Antaranya adalah seperti berikut:

i. Prinsip Syariah

Pengurusan zakat mesti mematuhi hukum syariah. Harta yang dikutip dan diagihkan hendaklah berdasarkan hukum-hukum fiqh, termasuk rukun dan syarat zakat, seperti nisab, haul, dan kelayakan asnaf (golongan penerima zakat).

ii. Mengamalkan Keadilan dan Ketelusan

Undang-undang menetapkan bahawa agihan zakat mestilah adil dan tidak berat sebelah. Lembaga Zakat perlu memastikan setiap proses, daripada kutipan sehingga pengagihan, dilakukan secara telus, termasuk penyediaan laporan kewangan tahunan yang diaudit.

iii. Prinsip Akauntabiliti dan Pemantauan

Lembaga Zakat bertanggungjawab kepada Majlis Agama Islam Negeri, yang memantau pengurusan dan penggunaan harta zakat. Badan ini juga perlu menyediakan laporan kepada pihak berkuasa negeri dan memastikan pematuhan undang-undang berkaitan.

Antara tanggungjawab dan Peranan Lembaga Zakat terhadap sistem perundangan Malaysia ini, Lembaga Zakat diberi mandat oleh undang-undang untuk mengutip zakat, mengagihkan zakat dan menguruskan dana zakat. Lembaga Zakat berperanan sebagai pemungut rasmi zakat, termasuk zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat emas, dan lain-lain. Proses kutipan dilakukan melalui kaedah moden seperti pembayaran dalam talian, potongan gaji, dan kaunter fizikal. Seterusnya, pengagihan zakat dilakukan kepada lapan asnaf seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran surah At-Taubah ayat 60.

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾ (٦٠)

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Selain itu, Lembaga Zakat juga bertanggungjawab memastikan setiap penerima benar-benar layak menerima bantuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Kesimpulannya yang diperoleh, Peruntukan undang-undang memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan harta oleh Lembaga Zakat memenuhi prinsip syariah dan keperluan undang-undang sivil. Dengan mematuhi kerangka perundangan yang ada dan sentiasa memperbaiki kelemahan,

Lembaga Zakat dapat memastikan dana zakat sampai kepada mereka yang berhak, sekaligus memperkuat kepercayaan umat Islam terhadap institusi ini.

Peruntukkan Hukum Syarak Pengurusan Harta Oleh Lembaga Zakat

Pengurusan harta oleh Lembaga Zakat dalam konteks Islam bertujuan untuk memastikan bahawa setiap aspek kutipan dan agihan zakat mematuhi hukum syarak. Prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh syarak memastikan keadilan dan keberkesanan dalam membantu golongan asnaf serta menegakkan maqasid syariah.

Tambahannya, pengurusan zakat berasaskan kepada perintah Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Dalam Surah At-Taubah ayat 60, Allah menyatakan bahawa zakat hanya boleh diberikan kepada lapan golongan asnaf: fakir, miskin, amil, muallaf, hamba yang ingin memerdekakan diri, orang yang berhutang, fi sabilillah, dan ibnu sabil. Selain itu, hadis Rasulullah SAW memperincikan kaedah pelaksanaan zakat, termasuk aspek kutipan dan pengagihan.

Didalam konteks Fiqh, Hukum fiqh menetapkan rukun, syarat, dan kaedah pengurusan zakat. Ini termasuk:

1. Harta Wajib Zakat

Harta yang wajib dikenakan zakat ialah harta yang berkembang seperti pendapatan, perniagaan, emas, perak, hasil pertanian, dan ternakan.

2. Kadar Nisab dan Haul

Zakat hanya diwajibkan apabila harta mencapai nisab (jumlah minimum) dan haul (tempoh setahun), kecuali untuk jenis zakat tertentu seperti zakat pertanian yang tidak mensyaratkan haul.

3. Syarat Sah Zakat

Antaranya, harta tersebut mestilah dimiliki secara sempurna, diperoleh secara halal, dan melebihi keperluan asas pemilik.

Selain itu, pengurusan zakat bertujuan untuk mencapai maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Zakat membantu mengurangkan kemiskinan, menyokong pembangunan ekonomi umat Islam, dan memastikan kestabilan sosial.

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi Lembaga Zakat dalam memastikan pematuan kepada hukum syarak, antara yang boleh kami utarakan disini adalah kesukaran mengenal pasti asnaf. Penilaian status asnaf memerlukan proses yang teliti dan kadangkala menghadapi kekangan maklumat. Seterusnya adalah kesedaran Masyarakat yakni umat islam yang kurang memahami hukum zakat dan keperluan untuk membayarnya. Dan Yang terakhir adalah penyelewengan atau salah guna kuasa. Hal ini wujud jika sistem pengurusan tidak diperketatkan.

Beberapa langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki pengurusan zakat berdasarkan hukum syarak. Lembaga zakat perlulah memberikan pendedahan pendidikan kepada masyarakat tentang pentingnya zakat dan cara pengiraannya mengikut syarak. Seterusnya penggunaan teknologi moden, Mereka hendaklah memanfaatkan teknologi seperti sistem pangkalan data dan aplikasi zakat untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan. Dan yang terakhir adalah pemantauan dan audit berterusan dengan menjalankan pemantauan berterusan untuk memastikan segala proses mematuhi hukum syarak.

Kesimpulannya, hukum syarak menjadi asas utama dalam pengurusan harta oleh Lembaga Zakat. Dengan memastikan setiap proses mematuhi prinsip-prinsip Islam, Lembaga Zakat dapat menunaikan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah dengan berkesan. Usaha yang berterusan dalam mematuhi dan memperbaiki sistem pengurusan zakat akan membantu mencapai matlamat utama zakat, iaitu membantu umat Islam yang memerlukan dan menyokong pembangunan masyarakat secara keseluruhan.

Dapatan Kajian 2: Implikasi Sosial Pengurusan Harta Oleh Lembaga Zakat

Pengurusan zakat di Malaysia diberikan tanggungjawab kepada institusi zakat yang berperanan untuk menerima, mengumpul, dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf. Proses pengurusan zakat ini dijalankan mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu di bawah bidang kuasa negeri seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri.

Dalam konteks syarak pula, Allah SWT berfirman dalam Surah At-Taubah, ayat 103:

﴿حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾

“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka ,dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka ,dan berdoaalah untuk mereka .Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka .Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Perkataan 'khuz' yang bermaksud 'ambillah' dalam ayat ini menunjukkan perintah kepada pihak berkuasa atau pemerintah untuk memungut zakat daripada mereka yang berhak .Ibnu Hajar al-Asqalani dalam *Fathul Bari* menegaskan bahawa imam atau khalifah bertanggungjawab dalam pemungutan dan pengagihan zakat ,sama ada secara langsung atau melalui wakil seperti institusi zakat .Dr .Yusuf al-Qaradawi pula menjelaskan bahawa para fuqaha' sepakat bahawa pemerintah berhak untuk mengutip dan mengagihkan zakat ,dan pengurusan zakat perlu dilakukan secara sistematik dan teratur.^[1]

Contoh terbaik pengurusan zakat boleh dilihat pada zaman Rasulullah SAW dan era Khulafa' al-Rasyidin .Saidina Abu Bakar r.a .pernah memerangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat selepas kewafatan Rasulullah SAW .Selain itu ,amil atau petugas zakat seperti Mu'az bin Jabal dan Ibnu Lutbiah dilantik untuk mengendalikan pemungutan dan pengagihan zakat kepada golongan asnaf.^[2]

Melalui rujukan daripada ulama-ulama tersohor dan kisah zaman Rasulullah ini menunjukkan bahawa sesebuah organisasi atau institusi adalah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat.

Pengurusan zakat oleh Lembaga Zakat membawa banyak implikasi positif kepada masyarakat .

Pertama, **penyelarasan agihan zakat kepada golongan asnaf** .Pengagihan zakat yang dijalankan oleh institusi yang ditubuhkan oleh pemerintah lebih teratur ,adil ,dan menyeluruh .Dengan adanya badan yang berperanan menguruskan zakat ,pembahagian zakat kepada golongan asnaf dilaksanakan dengan seimbang .Jika zakat diuruskan secara persendirian ,ia mungkin hanya menyasar golongan tertentu seperti fakir atau miskin sahaja .Sebaliknya ,pengurusan zakat oleh institusi kerajaan memastikan zakat sampai kepada semua asnaf yang memerlukan ,sejajar dengan kepentingan umat Islam secara kolektif.

Kedua ,**penyelarasan hukuman terhadap golongan yang menolak untuk membayar zakat** .Selain sebagai pengutip dan pengagih zakat ,pemerintah juga berhak menjatuhkan hukuman kepada individu yang enggan membayar zakat apabila hartanya sudah mencapai nisab .Di Malaysia ,pengurusan zakat berada di bawah kuasa negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri .Oleh itu ,pengagihan zakat tanpa melalui badan yang dilantik pemerintah adalah melanggar undang-undang dan boleh dikenakan hukuman mengikut peruntukan Akta Kesalahan Jenayah Syariah Negeri .Sebagai contoh ,jika dirujuk Seksyen 16(b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559 ,(ia memeruntukkan bahawa orang yang gagal membayar zakat akan dikenakan hukuman seperti berikut:

Tidak membayar zakat atau fitrah

16 .*Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi—*

(a) *enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau*

(b) *enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik ,atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa ,oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah,*

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dari sudut agihan zakat pula ,hanya badan-badan yang telah didaftarkan sebagai pengutip zakat atau amil yang sah sahaja yang dibenarkan dalam melaksanakan urusan pungutan zakat .Sepertimana yang diperuntukkan di Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 ,iaitu:

Pemungutan Zakat Atau Fitrah Tanpa Diberikuasa.

37 .Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa clia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Oleh itu ,bukan sahaja orang yang tidak melaksanakan kewajipan zakat yang akan dikenakan hukuman undang-undang ,namun mana-mana pihak yang membuat pungutan zakat tanpa sebarang kuasa juga boleh dikenakan tindakan .

Implikasi sosial yang ketiga adalah **maruah golongan asnaf atau fakir miskin terpelihara** . Pengagihan zakat oleh kerajaan membantu menjaga maruah golongan fakir dan miskin .Data berkaitan asnaf seperti muallaf dan fisabilillah biasanya hanya diketahui oleh pihak kerajaan .Golongan fakir yang layak menerima zakat akan lebih dihargai dan tidak perlu merasa malu apabila mendapatkan bantuan zakat daripada pemerintah ,berbanding jika mereka terpaksa meminta daripada individu atau pihak tertentu.

Seterusnya, **syiar Islam dalam menunjukkan Islam tidak memisahkan agama daripada pemerintahan** .Islam adalah agama yang tidak terpisah dari sistem pemerintahan .Berbeza dengan ideologi sekularisme yang memisahkan agama daripada pemerintahan ,Islam menekankan integrasi nilai-nilai agama dalam urusan pemerintahan .Institusi zakat memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sistem pemerintahan Islam dengan menggunakan dana zakat untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam secara adil dan saksama.

Seperti yang ditegaskan dalam Surah An-Nisa (4:59 ":(*Wahai orang-orang yang beriman ,taatlah kamu kepada Allah ,taatlah kamu kepada Rasulullah ,dan kepada Ulil-Amri (pemerintah) dari kalangan kamu .Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara ,maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan Rasul-Nya (Sunnah ,jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat .Itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok kesudahannya "*

Kesimpulannya ,pengurusan zakat oleh Lembaga Zakat bukan sahaja memenuhi kewajipan agama tetapi juga memberikan impak positif kepada masyarakat ,memperkukuhkan sistem pemerintahan Islam ,dan memastikan kesejahteraan umat Islam secara keseluruhan.

Dapatan Kajian 3 :Konflik Dalam Pengurusan Harta Zakat Oleh Lembaga Zakat

Secara rasionalnya sesebuah institusi zakat adalah dipertanggungjawab bagi menjalankan Amanah mengutip zakat dan mengagihkan kembali zakat kepada semua asnaf yang berhak .Bagi memudahkan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat secara berkesan dan cekap ,pencarian tadbir urus yang baik amat diperlukan (Md Hairi Md Hussain ,Kamil Md .Idris & Ram Al Jaffri Saad ,2012).

Rentetan itu ,satu dalil yang boleh dijadikan rujukan dan panduan berkaitan dengan isu zakat ini . Dalilnya ,semasa Nabi Muhammad SAW mengutuskan Saidina Muadz bin Jabal RA ke Yaman sebagai gabenor dan amil ,Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

"Ambillah daripada penduduk Yaman yang kaya sebahagian harta mereka (sebagai zakat) dan agihkan kembali harta itu kepada golongan fakir (dan miskin) di sana "^[3]

Oleh yang demikian ,atas dasar ini ,sebuah organisasi zakat tidak akan menjadi sebuah organisasi zakat yang utuh ,telus dan cekap sekiranya tidak menepati elemen-elemen yang digariskan .Berpanduan hadis tersebut ,jelas bahawa elemen penting dalam pengurusan harta zakat ialah kutipan dan juga agihan .Andai ada pihak yang bertanggungjawab di dalam sesebuah organisasi zakat yang mengabaikan salah satu daripada elemen penting berdasarkan hadis tersebut maka akan mengakibatkan timbulnya isu ketidakharmonisan dalam pengurusan harta zakat oleh Lembaga Zakat .Unit Kutipan dan Agihan adalah

unit terpenting dalam perihal berkaitan kutipan dan agihan zakat .Unit ini bertanggungjawab dalam urusan kutipan dan agihan zakat yang melibatkan masyarakat dalam sesebuah lokaliti .

Namun begitu ,tidak dinafikan telah timbul pelbagai tohmahan liar dan sangkaan negatif kepada sesebuah institusi zakat ,apabila kecekapan hanya berlaku dalam aspek kutipan namun tidak pula dalam aspek agihan .Kecekapan kutipan haruslah diiringi dengan kecekapan agihan .Ketidakekapan agihan institusi zakat adalah antara salah satu punca yang telah menjejaskan tahap keyakinan masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan membayar zakat kepada institusi zakat .Ketidakekapan agihan tersebut boleh dilihat melalui lebihan zakat yang tidak diagihkan dan kegagalan institusi zakat mengagihkan zakat kepada kelapan lapan golongan asnaf dan tidak mengikut keutamaan asnaf .Susulan itu ,apakah punca yang mencetuskan konflik terhadap sesebuah institusi zakat ini tidak dapat menjalankan fungsi dengan baik dan efisien dalam menguruskan harta zakat? Antara faktor adalah seperti berikut:

i. Perbezaan Struktur dan Model Tadbir Urus

Di Malaysia ,pungutan zakat tertakluk kepada bidang kuasa Negeri .Sebagai sebuah Negara Persekutuan ,perlembagaan Malaysia membahagikan kuasa kepada dua bahagian iaitu Kuasa Negeri yang berkait dengan hal ehwal keagamaan dan Kuasa Pusat selain daripada itu .Oleh kerana zakat merupakan salah satu daripada perkara agama maka ia tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri .Urusan berkaitan zakat adalah terlakluk di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri atau Enakmen Zakat Negeri .Di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terdapat Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri (JHEIN) .(Bagi melaksanakan pungutan tersebut ,kerajaan-kerajaan negeri telah mengadakan undang-undang dan peraturan serta kaedah tertentu serta menubuhkan unit khas yang dikenali sebagai Baitulmal atau Jabatan Zakat .Malah ,berbagai cara dan metode pungutan telah diperkenalkan ,sama ada secara langsung pihak berwajib atau melalui agen yang dilantik khusus bagi tujuan berkenaan .Bahkan ,bagi mempertingkatkan lagi hasil kutipan berkenaan berbagai-bagai insentif telah ditawarkan kepada agen-agen berkenaan .Natifahnya ,bagaimana cara zakat itu dipungut tidak bersifat universal .Sebaliknya perlukan kepada kepelbagaian yang sesuai dengan cita rasa tempatan .

Secara keseluruhannya ,institusi zakat di Malaysia mengamalkan struktur pentadbiran zakat berbeza-beza mengikut negeri masing-masing .Dapat dilihat melalui perbezaan model pengurusan zakat bagi setiap negeri menimbulkan isu mengenai sejauh manakah kecekapan setiap institusi berkenaan dalam mentadbir urus aspek yang berkaitan .Susulan itu ,timbul pula persoalan di kalangan MAIN dalam memilih model manakah yang paling cekap .Isu ini timbul memandangkan terdapat kebarangkalian wujudnya perbezaannya kecekapan dalam mentadbir urus aspek zakat disebabkan perbezaan dalam model pengurusan masing-masing .

Sejajar dengan dengan perkembangan dunia dan mengambil kira pelbagai isu lain yang timbul berkaitan dengan pengurusan harta oleh Lembaga Zakat ,adalah penting sekiranya struktur dan tadbir urus harta zakat ini dipandang serius dengan mewujudkan satu struktur dan model tadbir urus yang selari di antara Negeri.

Rajah 1: Struktur Pentadbiran dan Model Tadbir Urus Zakat

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	Agensi Khas Zakat
Pengurusan zakat secara langsung melalui bahagian Zakat di MAIN.	Pengurusan zakat melalui penubuhan agensi atau syarikat korporat khas untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat.
Perlis	Selangor (Lembaga Zakat Selangor - LZS)
Melaka	Pulau Pinang (Zakat Pulau Pinang - ZPP)

Negeri Sembilan	Kedah (Lembaga Zakat Negeri Kedah - LZNK)
-----------------	---

Selain itu, perbezaan dalam model tadbir urus boleh memberi impak secara langsung terhadap amalan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi-institusi berkenaan. Ini boleh membuka ruang perbincangan bagi perbezaan yang wujud dari sudut pelaporan kewangan bagi setiap negeri. Isu ini perlu disemak secara teliti adalah kerana ia melibatkan sensitiviti dalam kalangan masyarakat. Satu lagi isu yang cukup penting mengenai perbezaan model tadbir urus adalah berkenaan dengan struktur yang melibatkan pegawai yang bertanggungjawab menyediakan pelaporan kewangan dan perakaunan Islam di institusi berkenaan. Berasaskan dapatan kajian, setiap perjawatan adalah berbeza berasaskan skim masing-masing. Apa yang mengejutkan, terdapat pegawai yang menyediakan pelaporan kewangan yang bukannya berasaskan skim akauntan. Perkara ini telah memberi kesan tidak baik terhadap dalam menyediakan pelaporan kewangan dan perakaunan yang berkualiti bagi insitusi zakat.

ii. Kemahiran menguruskan harta oleh Lembaga Zakat

Tidak dinafikan melalui berita semasa, pengurusan agihan zakat yang dilaksanakan tidak secekap pengurusan kutipan zakat. Antara bukti ketidakcekapan pengurusan agihan zakat adalah, pertama masih terdapat dana zakat di beberapa negeri masih berbaki dan tidak diagihkan.^[4] Pihak bahagian mengurus agihan zakat perlulah memastikan agihan zakat yang disalurkan mengikut kehendak syarak bahkan hendaklah mengambil kira kemaslahatan umum ataupun kepentingan awam dalam membuat keputusan pengagihan zakat selagi mana tidak bertentangan dengan hukum syarak. Pihak bahagian mengurus agihan zakat juga harus memastikan segala gerak kerja dan dasar-dasar mengeluarkan keputusan agihan sentiasa konsisten dan tetap berlandaskan hukum syarak supaya tidak berlaku kontroversi terhadap masyarakat. Sekiranya pihak pengurusan tidak memandang serius berkenaan prinsip tersebut boleh menyebabkan masyarakat akan memandang negatif kepada pihak pengurusan agihan zakat dan secara tidak langsung akan menjejaskan kepercayaan terhadap pengurusan agihan zakat. Rentetan daripada kepincangan yang berlaku ini secara tidak langsung akan mencalarakan reputasi Agensi Mengurus Zakat secara keseluruhannya.

Selain daripada itu, bahagian pengurusan kutipan zakat juga hendaklah memastikan segala operasi kutipan dan promosi zakat dapat dilaksanakan dengan penuh efisien agar kutipan zakat dapat ditingkatkan dari masa ke semasa bergantung pada keadaan ekonomi semasa. Sebagai contoh, isu kontroversi pada tahun 2024 melibatkan zakat di Selangor berkenaan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH). Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengesahkan tidak pernah menerima sebarang jenis bayaran zakat daripada GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH). Dimaklumkan oleh Ketua Divisyen Kutipan, Mohd Fikri Naim Harun bahawa walaupun LZS pernah menjalankan dakwah kutipan zakat di GISBH, namun sehingga kini belum ada sebarang pembayaran zakat yang direkodkan diterima daripada GISBH dan anak syarikatnya.^[5] Ini jelas menunjukkan kelemahan daripada pihak yang berkenaan dalam menguruskan harta zakat. Selain itu terdapat 10 kes yang telah direkodkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) sepanjang tempoh 2010 hingga kini berkenaan penyelewangan wang zakat di Selangor.^[6]

Menyentuh isu kemahiran menguruskan harta zakat ini juga, perlu dilihat bahawa pada hari ini telah wujudnya begitu banyak sumber-sumber kekayaan manusia. Hal ini sejajar dengan perkembangan dunia ekonomi dan eksplorasi sumber bumi yang dilakukan manusia. Hasilnya wujud beberapa sumber ekonomi dan kekayaan baharu seperti petroleum, sawit, getah dan tumbuh-tumbuhan komersial yang lain. Begitu juga perkembangan instrument pelaburan seperti saham dan seumpamanya. Maka para ilmuan semasa perlu memikirkan adakah zakat hanya diwajibkan terhad terhadap sumber-sumber yang wujud di dalam nas seperti zakat emas dan perak, perniagaan, ternakan (lembu, unta dan kambing) dan pertanian (kurma, gandum, barli dan kismis) sahaja? Atas alasan itu perlulah wujud usaha untuk melakukan ijtihad dalam mengenalpasti status zakat sumber-sumber baharu yang wujud hari ini dengan mengambil kira realiti ekonomi dan sosial semasa agar pengurusan harta zakat oleh Lembaga Zakat lebih baik dan berkesan.

iii. Ketelusan dalam Tadbir Urus harta zakat

Dalam kajian ini, ketelusan didefinisikan sebagai perkongsian maklumat penting dimana yang secukupnya dibuat dan maklumat boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan dalam zakat. Ketelusan berupaya untuk meningkatkan kepuasan awam dan dapat membawa kepada tadbir urus yang berkesan. Maklumat sensitif yang berkaitan dengan tadbir urus seperti gaji pengarah, tempoh pelantikan dan pengalaman mereka tidak dikongsi kepada umum. Hal ini secara tidak langsung mengundang persepsi negatif dari masyarakat sejagat. Pelbagai kelompongan dalam mentadbir urus harta zakat di setiap negeri termasuk kelemahan dalam menyediakan laporan audit zakat.

Oleh yang demikian, setiap isu atau konflik berkaitan dengan pengurusan harta zakat ini perlulah dipandang penting kerana prestasi pengurusan harta zakat yang baik dan cekap mampu mempengaruhi kutipan zakat di masa akan datang. Setiap konflik yang berlaku perlu kepada jalan penyelesaian. Oleh itu, agihan zakat oleh institusi zakat bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan. Allah s.w.t. telah mengamanahkan supaya setiap wang zakat diagihkan secara adil kepada asnaf yang layak. Bagi institusi zakat yang telah menerima tanggungjawab ini, perlulah memainkan peranan sebaik mungkin dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Kesimpulan

Sebagai penutup, dicadangkan agar lembaga zakat perlu memastikan transparensi dalam pengurusan harta zakat melalui beberapa langkah strategik yang bertujuan untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat dan memastikan pengelolaan yang akauntabel. Berikut adalah beberapa cara utama yang boleh dilakukan oleh lembaga zakat termasuklah, yang pertama, penyampaian informasi secara terbuka. Lembaga zakat bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat yang jelas dan terbuka mengenai pengelolaan zakat. Hal ini termasuk melaporkan penggunaan dana, kegiatan yang dilakukan, serta ketelusan yang diterapkan.^[7] Dengan adanya transparansi ini, muzakki (pembayar zakat) dan masyarakat umum dapat memahami dan memantau penggunaan dana zakat dengan lebih baik.^[8] Contohnya, BAZNAS (Badan Amil Zakat Nasional) di Indonesia secara rutin mengumumkan laporan kewangan dan kegiatan mereka yang dapat diakses oleh publik.^[9] Ini memungkinkan para muzakki untuk melihat secara langsung bagaimana dana yang mereka salurkan digunakan. Islam menekankan pentingnya kejujuran, keterbukaan, dan komunikasi yang jelas dalam segala aspek kehidupan, termasuk dalam pengelolaan zakat. Dalam Al-Qur'an, Allah SWT berfirman:

“Hai orang-orang yang beriman, penuhilah akad-akad itu... dan janganlah kamu campur-adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak itu, padahal kamu mengetahuinya.” (QS. Al-Baqarah: 42)

Ayat ini mengajarkan pentingnya menyampaikan maklumat yang benar dan jelas, tanpa menutupi atau menyembunyikan yang hak. Hal ini selaras dengan komitmen lembaga zakat untuk menyampaikan laporan kewangan dan penggunaan dana zakat secara terbuka kepada masyarakat.

Seterusnya, sistem perakaunan yang baik. Untuk meningkatkan akurasi dan ketepatan laporan kewangan, lembaga zakat perlu menerapkan sistem perakaunan yang baik dan bertaraf tinggi. Penggunaan sistem yang terstruktur ini dapat memastikan bahawa setiap transaksi zakat tercatat dengan jelas dan tepat waktu. Dengan adanya sistem yang efektif, laporan kewangan dapat disusun secara teratur, sama ada harian, bulanan, mahupun tahunan. Hal ini dapat membantu meningkatkan keyakinan orang awam bahawa dana zakat dikelola dengan cara yang efisien dan transparan.

Selain itu, melakukan audit secara berkala. Audit adalah langkah penting yang dilakukan lembaga zakat untuk memastikan bahawa dana zakat digunakan sesuai dengan aturan dan tujuan yang ditetapkan. Lembaga zakat biasanya melibatkan auditor eksternal yang bebas untuk melakukan pemeriksaan berkala terhadap laporan kewangan mereka. Sebagai contoh, BAZNAS mendapatkan predikat **WTP (Wajar Tanpa Pengecualian)** dari Kantor Akuntan Publik, yang menunjukkan bahawa pengelolaan dana zakat mereka telah melalui proses audit yang teliti dan memenuhi standard yang diharapkan. Audit ini memberikan jaminan kepada masyarakat bahawa dana zakat dikelola dengan benar.

Yang keempat, penggunaan teknologi. Dalam era digital, lembaga zakat perlu memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan transparansi. Misalnya, aplikasi seperti *Cinta Zakat* yang direka oleh BAZNAS

memungkinkan muzakki untuk memantau jumlah kontribusi mereka secara *real-time* dan melihat bagaimana dana zakat dibahagi dan diagihkan. Dengan teknologi, lembaga zakat dapat memberikan informasi yang lebih cepat dan lebih tepat kepada masyarakat, serta mempermudah masyarakat untuk menyertai dalam program-program zakat dengan lebih efisien. Meski tidak ada dalil yang secara langsung menyebutkan penggunaan teknologi dalam konteks zakat, namun Islam sangat mendorong umatnya untuk memanfaatkan ilmu pengetahuan dan teknologi untuk kemaslahatan umat. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah suka apabila salah seorang di antara kalian melakukan pekerjaan dengan sempurna.” (HR. Al-Baihaqi)

Penerapan teknologi dalam memantau zakat secara *real-time* dan memberikan transparansi adalah satu langkah inovatif yang menggambarkan bagaimana ilmu pengetahuan dan teknologi dapat berfungsi secara bersinergi untuk memperbaiki sistem pengurusan zakat. Dengan memanfaatkan kemajuan teknologi, proses pengumpulan dan penyaluran zakat dapat dipantau secara langsung, memastikan bahawa setiap transaksi zakat dicatat dengan teliti dan dapat diakses oleh semua pihak. Ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan, tetapi juga memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa zakat yang disalurkan benar-benar sampai kepada asnaf yang berhak.

Yang terakhir, pendidikan dan kesedaran masyarakat. Lembaga zakat juga sepatutnya meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya transparansi dalam pengelolaan zakat. Melalui program pendidikan, baik yang dilakukan secara langsung mahupun melalui media sosial, lembaga zakat dapat menjelaskan kepada masyarakat mengenai hak dan tanggungjawab mereka sebagai muzakki. Dengan memberikan pemahaman yang lebih mendalam, lembaga zakat bukan sahaja dapat membangunkan kepercayaan, tetapi juga mendorong lebih banyak individu untuk menyalurkan zakat melalui saluran rasmi yang dipercayai. Islam sangat mendorong pendidikan dan ilmu pengetahuan buat umatnya. Rasulullah SAW bersabda:

“Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahat.” (HR. Ibn Majah)

Pendidikan dan kesedaran tentang zakat dan pentingnya transparansi dalam pengelolaannya adalah sebahagian dari usaha untuk menambah pemahaman umat mengenai kewajiban zakat dan hak-hak penerima zakat. Ini juga mendorong muzakki untuk lebih aktif menyalurkan zakat melalui saluran yang benar dan sah.

Ringkasnya, zakat adalah sebuah sistem redistribusi kekayaan yang mengalirkan sebahagian harta dari golongan kaya (*aghniya*) kepada golongan miskin dan fakir (*dhuafa*). Konsep ini berfungsi sebagai salah satu cara untuk mencegah penumpuan kekayaan hanya kepada segelintir orang atau golongan tertentu dalam masyarakat. Melalui zakat, harta yang dimiliki oleh orang kaya tidak hanya berputar dalam kalangan mereka, tetapi diagihkan kepada mereka yang memerlukan, sehingga mewujudkan peredaran kekayaan yang lebih seimbang.^[10]

Dalam konteks ini, zakat memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan jurang sosial dan ekonomi antara golongan kaya dan miskin. Tanpa mekanisme pembahagian harta seperti zakat, kekayaan akan cenderung terkumpul di kalangan mereka yang sudah memiliki banyak, manakala golongan miskin semakin terpinggir. Dengan adanya zakat, proses ini dapat dikawal dan diseimbangkan, sekaligus mengurangkan jurang pemisah antara kedua-dua golongan tersebut.

Malahan, zakat juga memberikan kesan positif terhadap ekonomi secara keseluruhan kerana zakat bukan sekadar "memberikan" tetapi turut mendorong peredaran ekonomi. Wang yang dikeluarkan melalui zakat akan digunakan semula dalam pelbagai transaksi ekonomi, sama ada untuk keperluan harian atau untuk pelaburan produktif yang dapat meningkatkan pendapatan golongan penerima zakat. Dengan cara ini, zakat bukan hanya mendistribusikan kekayaan, tetapi juga dapat merangsang ekonomi tempatan.

Kepentingan zakat tidak hanya dilihat dari sudut ekonomi, tetapi juga dari aspek moral dan spiritual. Dalam ajaran Islam, zakat merupakan kewajiban yang harus dilaksanakan oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat tertentu, dan ia dianggap sebagai bentuk pengabdian kepada Allah. Bagi penerima

zakat, mereka bukan sahaja menerima bantuan kewangan, tetapi juga merasakan rasa solidariti dan kasih sayang daripada sesama anggota masyarakat.

Secara keseluruhan, zakat bukan hanya sekadar kewajiban sosial dan agama, tetapi juga merupakan salah satu tiang utama dalam membangunkan masyarakat yang adil, sejahtera, dan harmoni, dengan mengurangkan ketimpangan ekonomi dan sosial yang boleh menimbulkan ketegangan.

Sebagai kesimpulan, dengan mengimplementasikan langkah-langkah strategik tersebut, lembaga zakat dapat memastikan bahawa pengelolaan dana zakat dilakukan dengan tingkat transparansi yang tinggi. Ini bukan hanya akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap lembaga zakat, tetapi juga memastikan bahawa dana yang dikumpul dapat digunakan secara efektif untuk membantu mereka yang memerlukan, sesuai dengan tujuan syariah dan keperluan masyarakat. Sebagai hasilnya, sistem zakat yang transparan dapat memberikan manfaat yang lebih besar bagi kemaslahatan umat Islam secara keseluruhan.

Rujukan

- Abidah Abkadir. (2023). *Konsep kepercayaan dan pengurusan zakat*. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.062101>
- Abdul Halim El-Muhammady. (2006). *Undang-undang muamalat dan aplikasinya kepada produk-produk perbankan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Karim Zaidan. (1997). *Nizam al-qadha' fi al-shariah al-Islamiyyah* (3rd ed.). Risalah Publisher.
- Abu, N. S., Mohamed, D., & Beshlawy, E. (2015). Mandibular ramus and gonial angle measurements as predictors of sex and age in an Egyptian population sample. *Journal of Forensic Research*, 6(5).
- Adams, D. C., Rohlf, F. J., & Slice, D. E. (2013). A field comes of age: Geometric morphometrics in the 21st century. *Hystrix*, 24(1), 7–14.
- Akmal Hidayah Halim, Badruddin Hj. Ibrahim, & Farid Sufian Shuaib. (2009). *Undang-undang harta dan amanah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Fayyumi. (1926). *Al-Misbah al-Munir* (Vol. 1, p. 97). Al-Matba'at al-Amiriyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakat*. Dar al-Tawbah.
- Ali, Z. M., Samiun, H. A., Ahmad, S., & Zain, M. N. M. (2016). Peranan pemerintah dalam pengurusan zakat di Indonesia dan Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(2), 229–244. <https://doi.org/10.17576/jh-2017-0802-02>
- Beaini, T. L., Duailibi-Neto, E. F., Chilvarquer, I., & Melani, R. F. H. (2015). Human identification through frontal sinus 3D superimposition. *Journal of Forensic and Legal Medicine*, 36, 63–69.
- Bookstein, F. L. (2007). Landmark methods for forms without landmarks. *Medical Image Analysis*, 1(3), 225–243.
- Buck, T. J., & Vidarsdottir, U. S. (2004). Identification of race in sub-adult skeletons: A geometric morphometric analysis. *Journal of Forensic Sciences*, 49(6), 1159–1164.
- Çağlayan, F., Sümbüllü, M. A., Akgül, H. M., & Altun, O. (2014). Mental foramen morphology in relation to age and sex. *Journal of Craniofacial Surgery*, 25(6).
- Cattaneo, C. (2007). Forensic anthropology developments. *Forensic Science International*, 165, 185–193.
- Chole, R. H., Patil, R. N., Chole, S. B., Gondivkar, S., Gadibail, A. R., & Yuwanati, M. B. (2013). Mandible anatomy and age/gender correlation. *ISRN Radiology*, 1–4.

- Dewan Negeri Selangor. (2024). *Penyelewengan wang zakat di Selangor*. <https://dewan.selangor.gov.my/question/penyelewengan-wang-zakat-di-selangor/>
- Dr. Muhammad Zainul Abidin. (2012). *Pengurusan zakat: Prinsip, amalan dan cabaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fan, F., Zhang, K., Peng, Z., Cui, J., Hu, N., & Deng, Z. (2016). Forensic age estimation from MRI and radiographs. *Forensic Science International*, 268, 145–150.
- Fatimah Hj. Mohd Nong v. Mohd Azmi Mohd Yaacob & Others, [2011] 1 CLJ SYA 285.
- Filograna, L., Tartaglione, T., Filograna, E., Cittadini, F., Oliva, A., & Pascali, V. L. (2010). Virtual autopsy vs classical autopsy. *Forensic Science International*, 195(1–3), e13–e17.
- Floriane, A., Gabriela, R., Romain, H., Micard, E., Jacques, L. M., Laurent, F., Lo, M., & Martrille, L. (2016). Age estimation using hand radiographs. *Forensic Science International*, 271, 113–119.
- Franklin, D. (2010). Forensic age estimation in human skeletal remains. *Legal Medicine*, 12(1), 1–7.
- Franklin, D., Cardini, A., Higgins, P. O., Oxnard, C. E., & Dadour, I. (2008). Mandibular morphology and age. *Journal of Forensic Sciences*, 91–99.
- Hadith Riwayat al-Bukhari.
- Harvati, K., Nicholson, E., & Harvati, K. (2017). 3D geometric morphometrics of human mandibles. *American Journal of Physical Anthropology*, 131(3), 368–383.
- Higgins, P. O. (2000). Morphological variation in the hominid fossil record. *Journal of Anatomy*, 197(1), 103–120.
- Holdings: Peranan Lembaga Zakat Selangor terhadap pembangunan insan dalam kalangan asnaf. (n.d.). <https://update.library.uitm.edu.my>
- Huda, N., et al. (2012). *Keuangan Publik Islami: Pendekatan Teoritis dan Sejarah*. Kencana Prenada Media.
- Ibn Faris. (1969). *Mu'jam al-Maqayis al-Lughat* (Vol. 1, p. 327). Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1961). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi Siyasah al-Shar'iyah*. Mu'assasat al-'Arabiyyah.
- Ismail, R. (2022). *Pelaksanaan hibah amanah dan hibah harta bercagar di institusi perancangan harta di Malaysia* (Doctoral dissertation, UKM).
- Itabashi, H. H., Andrews, J. M., Tomiyasu, U., Erlich, S. S., & Sathyavagiswaran, L. (2007). Miscellaneous forensic neuropathology. In *Forensic Neuropathology* (pp. 443–464).
- Jariah Yahya & Ors. v. Nor Hasiah Harun, [2010] 3 LNS 19.
- Jodi, L., Glen, M., Adriana, M., Hannah, S. W., Jordan, W., & Amar, S. (2016). Gonial angle and sex determination. *Journal of Clinical Experimental Dentistry*, 8(1), e49–e54.
- Kamarudin, M. K., & Alma'amun, S. (2013). Hibah practice in Islamic estate planning. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, 1281.
- Kamarudin, M. K., Zaman, N., & Razak, R. M. (2019). Keperluan undang-undang hibah di Malaysia. *al-Qanatir*, 16(1), 1–13.
- Kamus Dewan (4th ed.). (2013). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kano, T., Oritani, S., Michiue, T., & Ishikawa, T. (2015). Postmortem CT morphometry. *Legal Medicine*, 17(3), 167–171.
- Keen, J. A. (1945). Angle of the mandible. *Journal of Dental Research*, 24, 77–86.

- Klepinger, L. L. (2006). Fundamentals of forensic anthropology. *International Review of Psychiatry*, 21(3), 292.
- Klingenberg, C. P. (2013). Visualizations in geometric morphometrics. *Hystrix*, 24(1), 15–24.
- Laher, A. E., Motara, F., & Moolla, M. (2016). Ultrasonographic mental foramen analysis. *Journal of Clinical and Diagnostic Research*, 10(6), OC23–OC27.
- Lilianita, D., & Muchlisin, S. (2019). Transparansi pengelolaan dana zakat. *Jurnal Syarikah*, 5(1).
- MacLeod, N. (2013). Landmarks & semilandmarks. *Palaeontological Association Newsletter*, 82, 1–9.
- Mitteroecker, P., & Gunz, P. (2009). Advances in geometric morphometrics. *Evolutionary Biology*, 36(2), 235–247.
- Monnazzi, M. S., Passeri, L. A., Gabrielli, M. F. R., Bolini, P. D. A., De Carvalho, W. R. S., & Da Costa Machado, H. (2012). Mandibular foramen anatomy. *International Journal of Oral and Maxillofacial Surgery*, 41(1), 74–78.
- Muhammad al-Syahrastani. (1997). *Al-Milal wa al-Nihal* (A. Syafii, Trans.). Pustaka Amani.
- Muhamad, N. H. N. (2009). Elemen qabd dalam hibah. *Jurnal Syariah*, 17(2), 243–266.
- Nurfadhilah, I. R., & Sasongko, C. (2019). Web-based accountability in Islamic non-profits. In *APBEC 2018*. Atlantis Press.
- Ogawa, Y., Imaizumi, K., Miyasaka, S., & Yoshino, M. (2013). Sex estimation from skulls. *Journal of Forensic and Legal Medicine*, 20(4), 234–238.
- Ram, B. U., Juhi, U., Pankaj, A., & Nirmala, N. R. (2012). Gonial angle analysis. *Journal of Forensic Dental Science*, 24(1), 29–33.
- Revant, H., Chole, R. N., Patil, S. B., Chole, S. G., Amol, R. G., & Monal, B. Y. (2013). Mandible anatomy. *ISRN Radiology*, 1–4.
- Rösing, F. W., Graw, M., Marré, B., Ritz-Timme, S., Rothschild, M. A., Röttscher, K., Schmeling, A., Schröder, I., & Geserick, G. (2007). Forensic diagnosis of sex and age. *HOMO*, 58(1), 75–89.
- Ruder, T. D., Thali, Y. A., Rashid, S. N. A., Mund, M. T., Thali, M. J., Hatch, G. M., Christensen, A. M., Somaini, S., & Ampanozi, G. (2016). Postmortem dental CT validation. *Journal of Forensic Radiology and Imaging*, 5, 25–30.
- Shahin, K. A., Chatra, L., & Shenai, P. (2013). Dental and craniofacial imaging. *Journal of Forensic Radiology and Imaging*, 1(2), 56–62.
- Shamim, T., & Student, P. (2006). Age estimation: A dental approach. *Journal of Punjab Academy of Medical Toxicology*, 14–16.
- UKM Zakat Universiti. (2019). *LZS ambil tindakan bantu keluarga huni pondok usang*. <https://www.ukm.my/zakat>
- Wilayah Persekutuan. (1997). *Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)*.